

Headline	Tembat, Puah sedia 265MW elektrik tambahan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Aug 2016	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Bisnes	Page No	43
ArticleSize	123 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,484		



## Tembat, Puah sedia 265MW elektrik tambahan

**Hulu Terengganu:** Empangan Tembat dan Puah yang siap dibina pada harga RM2.3 bilion bakal beroperasi sepenuhnya Oktober depan akan menyediakan 265 megawatt (MW) elektrik tambahan kepada kapasiti penjanaan Stesen Tenaga Hidroelektrik Kenyir.

Pengurus Besar Bahagian Penjanaan, Stesen Tenaga Hidroelektrik Kenyir, Mustafa Hashim berkata, dua empangan hidroelektrik curation itu, ketiga seperti itu di negara ini selepas Cameron Highlands di Pahang dan Sungai Perak di Perak akan meningkatkan kapasiti ste-

sen kepada kepada 665 MW. "Ini akan menjadikannya stesen hidroelektrik kedua terbesar di negara ini selepas Stesen Tenaga Hidroelektrik Sungai Perak," katanya selepas lawatan ke projek itu di sini.

Beliau berkata, Tembat yang terletak 429 meter dari paras laut dibangunkan menggunakan teknologi Jerman dan Switzerland dengan konsep empangan lencongan manakala Puah yang terletak 296 meter dari paras laut dibangunkan menggunakan teknologi Perancis menggunakan konsep alur limpah.

Mustafa berkata, Tenaga

Nasional Bhd (TNB) turut membelanjakan RM10 juta untuk melaksanakan kajian berhubung pembinaan empangan termasuk bentuk muka bumi, jenis tanah, aliran air, impak ke atas flora dan fauna serta pemuliharaan bagi meminimumkan impak ke atas alam sekitar.

Katanya, selain penjanaan tenaga, tasik yang terbentuk oleh pembinaan empangan itu juga berperanan sebagai sistem pencegahan banjir dengan mengumpul air tambahan ketika musim hujan yang lebat.

Secara menyeluruh, tasik Tembat dan Puah memba-

bitkan kawasan seluas 7,180 hektar atau satu perenam daripada saiz Tasik Kenyir.

Mengenai pentingnya hidroelektrik, beliau berkata, sumber bekalan elektrik sangat penting dalam memelihara sumber tenaga dalam negara.

Beliau berkata, ini akan membolehkan hidroelektrik melengkapi penjanaan elektrik terma dan menyokong grid elektrik kebangsaan semasa jam puncak, dan jika berlaku gangguan bekalan.

Katanya, secara menyeluruh, kapasiti elektrik dalam grid kebangsaan kira-kira 22,000 MW. - BERNAMA